

'Lawatan rasmi PM ke luar negara bukan jalan-jalan'

BERITA HARIAN

08 JUL 2025 wjh: 3

Kuala Lumpur: Lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara bukan bersifat 'jalan-jalan', sebaliknya ia membawa agenda besar termasuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dan membuka pasaran baharu untuk syarikat Malaysia.

Penegasan itu dibuat Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Ahmad Farhan Fauzi, yang membidas tuduhan segelintir pembangkang bahawa lawatan rasmi dibuat pemimpin negara itu hanyalah sekadar 'jalan-jalan'.

Beliau berkata, tuduhan segelintir pihak itu bukan sahaja mencerminkan kepemimpinan berminda kecil, sebaliknya ia menunjukkan kekebalan dalam memahami impak kekalutan geopolitik dan geoekonomi yang sedang melanda dunia terhadap rakyat serta negara.

"Bermula dengan asas untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, memperkukuh kerjasama strategik, membuka pasaran baharu untuk syarikat Malaysia, sehinggalah memperjuangkan suara negara membangun di platform global seperti Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS).

"Ini bukan suka-suka jalan-jalan. Ini diplomasi ekonomi dan geopolitik yang proaktif dan berpandangan jauh," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Perdana Menteri kini berada di Brazil bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin BRICS dari Sabtu lalu hingga semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri juga mengadakan lawatan kerja ke Itali dan Perancis.

Ahmad Farhan berkata, inisiatif diplomasi ekonomi yang dipimpin Perdana Menteri membuka ruang kepada peluang ekonomi baharu yang strategik, antaranya dalam meluaskan akses pasaran menerusi penyambungan semula rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Kesatuan Eropah (EU).

Beliau berkata, ia juga membuka ruang terhadap pemetaraan FTA dengan negara Persekutuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA).

"Langkah proaktif Malaysia membuah hasil dengan peningkatan ketara dalam pelaburan yang diluluskan, iaitu sebanyak 14.9 peratus dengan nilai berjumlah RM378 bilion.

"Selain itu, prestasi perdagangan juga mencatat pertumbuhan dengan nilai dagangan mencapai RM2.88 trilion, peningkatan 9.2 peratus pada 2024," katanya.